



Ministry of Industry and Primary Resources

## **TEKS UCAPAN**

**Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Seri Utama  
Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,  
Menteri Perindustrian dan Sumber Sumber Utama  
Negara Brunei Darussalam**

**Selaku Tetamu Kehormat**

**MAJLIS PERKEMAHAN ALAM SEKITAR KALI KE-4,  
PERSEKUTUAN PENGAKAP NBD**

**dan**

**PENGISYTIHARAN 1 JUN SEBAGAI  
HARI MENANAM POKOK PENGAKAP  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(BRUNEI DARUSSALAM SCOUT  
TREE PLANTING DAY)**

**Hari Ahad, 1hb. Jun 2014  
bersamaan dengan 3hb. Sya'aban 1435H**

## **BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala yang maha pengasih lagi maha penyayang kerana diatas limpah kurnia dan izinNya jua, kita semua beroleh kelapangan dan kekuatan untuk dapat sama-sama hadir di majlis yang penuh berkebajikan pada pagi ini.

Selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia Awang Haji Badar bin Haji Awang Ali,  
Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Negara  
Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Majlis;

Yang Mulia Dato Paduka Ar. Awg Hj Idris bin Hj Abas, Yang DiPertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pegawai Daerah Belait; Yang DiPertua Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; Ketua-Ketua Kampong, Ahli-Ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam; para jemputan khas, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam di atas kesudian mengundang saya untuk hadir selaku Tetamu Kehormat di **Majlis Pelancaran Perkemahan Alam Sekitar Kali Ke-4 Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam** dan **Pengisytiharan 1hb Jun** sebagai **Hari Menanam Pokok Pengakap Negara Brunei Darussalam** atau ***Brunei Darussalam Scout Tree Planting Day***.

2. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam kerana telah berjaya untuk kali ke empat, menganjurkan aktiviti perkemahan alam sekitar untuk para ahlinya; dan juga di atas komitmen

Persekutuan Pengakap untuk menjadikan 1hb Jun sebagai Hari Menanam Pokok Pengakap Negara Brunei Darussalam atau *Brunei Darussalam Scout Tree Planting Day*.

3. Inisiatif seumpama ini, dari perspektif Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, adalah merupakan salah satu inisiatif yang selayaknya diberikan pujian kerana aktiviti penanaman pokok yang diselitkan di bawah program perkemahan ini adalah selaras dan mendokong pelaksanaan program pemeliharaan sumber hutan serta penghijauan alam sekitar yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perhutanan.

4. Program seumpama ini, bukan sahaja mendokong inisiatif Kementerian dalam memastikan khazanah warisan hutan semulajadi Negara akan terus dipelihara dan diurus secara lestari, tetapi ianya juga

adalah bertepatan dengan matlamat utama Kementerian ini kearah meningkatkan kesedaran orang ramai, khususnya generasi muda, agar mereka menjadi generasi pewaris masa hadapan yang berwawasan, bertanggungjawab dan prihatin akan kepentingan mengurus serta memelihara sumber hutan secara lestari untuk faedah sejagat bagi masa kini dan akan datang.

5. Penglibatan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dalam aktiviti-aktiviti penghijauan melalui program perkemahan ini adalah sangat unik kerana penglibatannya serta pendekatan yang diambil, bukan sahaja tertumpu kepada aktiviti penanaman pokok semata-mata, tetapi juga diunjurkan kepada aktiviti-aktiviti penjagaan pokok-pokok yang telah ditanam secara berterusan.

6. Konsep serta pendekatan penglibatan yang dipamerkan oleh Persekutuan Pengakap dalam penanaman dan seterusnya penjagaan pokok-pokok yang telah ditanam melalui program perkemahan alam sekitar ini adalah selaras dengan konsep salah satu program penghijauan yang baru diperkenalkan oleh pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber Sumber Utama melalui Jabatan Perhutanan yang dikenali sebagai program **“Penhijauan Bandar, Menyelamatkan Planet: Membuat Perbezaan, Satu Pokok Pada Satu Masa”** atau dalam Bahasa Inggerisnya **“Greening the City, Saving the Planet: Making a Difference, One Tree at a Time”**, yang mana telah dilancarkan sempena sambutan **Hari Hutan Antarabangsa 2014** pada 22 Mac yang lalu.

## **Hadirin Hadirat Yang Dihormati Sekalian,**

7. Pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melihat bahawa inisiatif yang diambil oleh pihak Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam untuk memperkenalkan dan mengisytiharkan **1hb Jun sebagai Hari Menanam Pokok Pengakap Negara Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam Scout Tree Planting Day** adalah merupakan salah satu inisiatif yang perlu diberikan pujian kerana ianya bukan sahaja memberikan nilai tambah kepada pelaksanaan program perkemahan alam sekitar yang dianjurkan oleh pihak Persekutuan, tetapi ianya juga sudah pasti akan mengukuhkan serta meningkatkan imej Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam sebagai “Rakan Hijau” atau “Green Partner” kepada Kementerian ini dalam sama-sama mendokong dan memberigakan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemeliharaan serta penghijauan di Negara ini.



8. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama agar konsep dan pendekatan yang diambil oleh pihak Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dalam mendokong serta memberiga pelaksanaan program-program penghijauan di Negara ini akan dapat dicontohi oleh badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang lainnya, termasuk sektor swasta, badan-badan korporat, majlis-majlis perundingan kampong dan mukim, dan sebagainya; dimana skop penglibatan dan pendekatan dalam penyertaan program penghijauan ini bukan sahaja terhadap kepada aktiviti penanaman, tetapi juga dilaratkan kepada melaksanakan aktiviti-aktiviti penjagaan, pemeliharaan dan pembersihan kawasan penanaman di tapak-tapak yang berkenaan secara berterusan.

**Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,**

9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam kerana telah berjaya mengungkayahkan Majlis Pelancaran Perkemahan Alam Sekitar Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam Kali Ke-4 pada pagi ini.

10. Saya seterusnya berharap agar pihak Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam akan dapat terus memberikan sokongan yang padu kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam usahanya kearah memastikan agar sumber hutan Negara akan terus diurus dan dipelihara secara lestari untuk kepentingan generasi masakini dan juga akan datang.

11. Akhirnya, dengan lafaz **Bismillahir Rahmanir Rahim** dan bertawakal kepada Allah Subhananahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga akhir zaman, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran **Perkemahan Alam Sekitar Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam Kali Ke-Empat** dan seterusnya mengisytiharkan setiap 1hb Jun sebagai **Hari Menanam Pokok Pengakap Negara Brunei Darussalam** atau **Brunei Darussalam Scout Tree Planting Day**.

**Sekian. Wabillahit Taufiq Wal-Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**